

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Yang Mulia Puan Hajah Normah Suria Hayati binti Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd Jamil Al-Sufri, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Pengarah-pengarah, Pegawai-Pegawai Kanan, Hadirin dan Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran koala panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat sama-sama hadir bagi Pelancaran Laman Web Baru dan Facebook Rasmi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Selawat dan salam ke atas Junjungan besar, Nabi Muhammad SAW, Penghulu segala nabi dan penutup para Rasul a.s.

Terlebih dahulu koala mengucapkan terima kasih diatas kesudian yang berhormat Pehin hadir dan seterusnya meresmikan pelancaran majlis ini.

Alhamdullilah, pada hari ini sempena menjelang tahun baru 2011 ini, Kementerian ini melalui Unit Pengurusan Maklumat, Bahagian Pengurusan dan Kewangan dapat memperlihatkan satu lagi pencapaian ke arah perkhidmatan yang lebih mesra pelanggan dengan adanya laman web baru dan facebook rasmi Kementerian ini.

Perubahan wajah laman web yang terbaru ini dihasilkan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada orang ramai. Antara perubahan laman web ini adalah tata ruang yang lebih menarik dan dinamik dengan isi kandungan yang lebih berinfomatif, terkini, dan tepat untuk orang ramai.

Laman web yang terbaru ini adalah seratus peratus (100%) hasil dari pegawai & kakitangan Unit Pengurusan Maklumat, dan tidak menggunakan khidmat luar iaitu outsource dengan ini secara tidak langsung menjimatkan kos bagi Kementerian ini.

Selain dari projek pengubahsuaian laman web, Unit Pengurusan Maklumat juga telah dipertanggungjawabkan untuk menghasilkan facebook rasmi bagi Kementerian ini. Pada bulan Oktober 2010, facebook rasmi Kementerian telah mula berada dalam talian untuk diakses oleh orang ramai termasuk masyarakat luar negara dan sehingga kini telah mendapat sokongan lebih dari tiga ratus pengguna facebook.

Selain daripada initiatif yang telah disebutkan, Unit Pengurusan Maklumat juga telah membuat beberapa perancangan bagi tahun 2011, antaranya ialah:-

- “IT Central Procurement” fasa Dua (2)
- “IT Security and Network Infrastructure” fasa satu (1)
- “eMail Migration To EGNC”
- “Refresher Training” bagi penggunaan system EMIPR
- Penyediaan “Business Facilitation Centre” bagi BLS
- Perlaksanaan BLS fasa 2A
- Peningkatan Sistem E-MIPR
- Perlaksanaan Sistem E-Statistik bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan

Akhirnya, koala berdoa dan penuh berharap, semoga dengan pelancaran laman web baru ini dan facebook rasmi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada petang ini akan dapat mendekatkan dan meningkatkan lagi penyampaian maklumat kepada masyarakat umum sekaligus meningkatkan lagi pemberian perkidmatan kepada orang ramai.

Sekian, Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.